

## Q&A

### SOALAN 1

Mohon beri penjelasan dimana surat kebenaran penghantaran makanan 'runner' boleh diperolehi dan apakah dokumen yang diperlukan?

**Penghantar makanan @ runner perlu membuat permohonan untuk kebenaran menghantar makanan @ food delivery kepada MDKT dengan cara mengisi Borang Permohonan Kebenaran Menjalankan Aktiviti Penghantaran Makanan (Food Delivery) secara online atau memuat turun borang tersebut dan mengemalakan kepada urusetia setelah borang dilengkapkan bersama dengan dokumen sokongan.**

**Surat Kebenaran akan dikeluarkan kepada pemohon yang memenuhi syarat yang ditetapkan dalam tempoh 2 hari bekerja.**

**Borang Pelepasan "runner" untuk membuat penghantaran makanan pada bulan Ramadhan akan dikeluarkan oleh pihak Majlis. Borang permohonan boleh dimuat turun di Portal atau Facebook Majlis Daerah Kota Tinggi.**

**Dokumen sokongan yang diperlukan adalah seperti berikut:**

- I. Salinan Kad Pengenalan (Warganegara Malaysia sahaja)**
- II. Satu (1) keping gambar berukuran passport**
- III. Salinan geran kenderaan dan lesen memandu**
- IV. Surat perakuan ujian saringan Covid-19 daripada Klinik Kesihatan Kerajaan atau fasiliti swasta**

### SOALAN 2

Adakah permohonan ini termaktub untuk semua peniaga yang membuat penghantaran walaupun dalam satu taman perumahan dan siapakah yang tergolong di bawah kategori "runner"?

**Ya. Mana-mana individu yang membuat perkhidmatan penghantaran makanan / barangan ke mana-mana premis atau kediaman berdasarkan permintaan atau pembelian dikategorikan sebagai 'runner'.**

### SOALAN 3

Adakah boleh saya menjual menerusi COD dalam kawasan Taman Sri Saujana sahaja kerana sekarang tular mengatakan tidak dibenarkan membuat COD kecuali bagi yang berdaftar sahaja?

**Sekiranya anda merupakan seorang penyedia makanan dan menyediakan perkhidmatan penghantaran anda perlu mendapatkan kelulusan untuk beroperasi dengan membuat permohonan sebagaimana berikut:**

**a) Permohonan Kebenaran Menjalankan Aktiviti Penyediaan Makanan (Juadah Berbuka Puasa);**

**b) Permohonan Kebenaran Menjalankan Aktiviti Penghantaran Makanan (Food Delivery)**

#### **SOALAN 4**

Berapakah jarak penghantaran makanan bagi seorang "runner"?

**Jarak penghantaran adalah sebagaimana zon yang telah ditetapkan.**

**Zon A**

**Pusat Bandar Kota Tinggi, Taman Perumahan & Kampung sekitarnya dalam radius 10KM**

**Zon B**

**Bandar Tenggara, Bandar Petri Jaya dan kawasan sekitarnya dalam radius 10KM**

**Zon C**

**Sedili Besar dan Pekan Tg.Sedili dan kawasan sekitarnya dalam radius 10KM**

#### **SOALAN 5**

Dimanakah boleh saya membuat ujian saringan Covid-19 dan berapakah kos yang perlu dibayar?

**Anda boleh menghubungi Pejabat Kesihatan Daerah Kota Tinggi ditalian 07-8831133 untuk mendapatkan maklumat berkenaan fasiliti kesihatan yang menawarkan perkhidmatan saringan Covid-19. Kos saringan ditanggung sepenuhnya oleh pemohon**